

HRMIS

eNewsletter



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

EDISI 2
APR–JUN 2024



Pelaksanaan Penggunaan Fungsi MyDigital ID di Aplikasi Mudah Alih MyHRMIS Mobile

Identiti Digital Malaysia (MyDigital ID) adalah satu inisiatif Kerajaan bagi pengesahan identiti secara digital yang selamat dan sah untuk pengguna dalam talian. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan kerjasama MIMOS Berhad telah membangunkan fungsi bagi penggunaan MyDigital ID dalam aplikasi mudah alih MyHRMIS Mobile untuk menyokong inisiatif pelaksanaan MyDigital ID tersebut.

Fungsi ini telah boleh digunakan sepenuhnya mulai 27 Mei 2024. Kemudahan log masuk ke aplikasi MyHRMIS Mobile menggunakan ID HRMIS sedia ada telah ditutup dan pengguna hanya boleh menggunakan MyDigital ID untuk log masuk ke aplikasi berkenaan. Ini bertujuan untuk menggalakkan pendaftaran MyDigital ID dan penggunaannya dalam kalangan penjawat awam. Walau bagaimanapun, akses kepada aplikasi HRMIS 2.0 melalui laman web masih boleh menggunakan katalaluan HRMIS seperti biasa.

EDISI TERKINI

- Pelaksanaan Penggunaan Fungsi MyDigital ID di Aplikasi Mudah Alih MyHRMIS Mobile
- Penambahbaikan HRMIS :
 - Rekod Penyertaan Program AI Untuk Raykat di HRMIS
 - Maklumat Kursus di dalam HRMIS
 - Fungsi Semakan Kelayakan Cuti Rehat dan GCR dalam HRMIS 2.0
- Program HRMIS Care:
 - Zon Selatan
 - Zon Timur
- Laporan Perancangan dan Pelaksanaan Program SHARE HRMIS Tahun 2024
- Change Journey Edisi 4

**Hubungi *Helpdesk*
kami untuk sebarang
pertanyaan !!!**

Email: info@digital-id.my
Hotline: +60 3 8687 2772



PENAMBAHBAIKAN HRMIS

Rekod Penyertaan Program AI Untuk Rakyat di HRMIS

YAB Perdana Menteri telah merasmikan Program 'AI Untuk Rakyat' pada 16 Januari 2024 di Universiti Putra Malaysia. Program pembelajaran kendiri dalam talian ini adalah bertujuan untuk memberi penjelasan tentang AI kepada semua lapisan masyarakat bagi meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia terhadap teknologi AI. Program yang boleh diakses melalui laman sesawang www.ai.gov.my ini dibahagikan kepada dua (2) bahagian iaitu 'Kesedaran AI' atau 'AI Aware' dan 'Hargai AI' atau 'AI Appreciate'. Penyertaan Program AI Untuk Rakyat ini boleh direkodkan di dalam Sub Modul Program Pembangunan Kompetensi (PPK) HRMIS yang telah ditambahbaik.

Maklumat Kursus di dalam HRMIS

Bagi mengelakkan pertindihan kemasukan maklumat kursus di Sub Modul PPK, penambahbaikan di dalam HRMIS telah dilakukan dan ia melibatkan:

- Penutupan fungsi pengemaskinian maklumat kursus yang telah dihadiri di dalam Modul Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT);
- Paparan maklumat kursus di Modul Rekod Peribadi; dan
- Penutupan capaian peranan di Modul Rekod Peribadi.

Terdapat penambahbaikan di Modul LNPT dan Modul Rekod Peribadi berkaitan pengisian dan paparan maklumat kursus HRMIS. Fungsi ini telah dilaksanakan sepenuhnya bermula 10 Jun 2024.

Fungsi Semakan Kelayakan Cuti Rehat dan Gantian Cuti Rehat (GCR) dan Permohonan Kebenaran GCR untuk Permohonan Lebihan GCR sebagai Cuti Rehat

Bahagian Digital Dan Teknologi Maklumat (BDTM), JPA telah melaksanakan fungsi baharu di Sub Modul Cuti iaitu Semakan Kelayakan Cuti Rehat Dan Gantian Cuti Rehat (GCR) dan Permohonan Kebenaran GCR Untuk Permohonan Lebihan GCR sebagai Cuti Rehat.

Untuk makluman, fungsi ini membolehkan Pentadbir Modul membuat semakan kelayakan Cuti Rehat dan GCR bagi pegawai perkhidmatan awam yang akan berpencen. Setelah semakan, Pemilik Kompetensi (CO) boleh melaksanakan Permohonan Kebenaran GCR Untuk Permohonan Lebihan GCR Sebagai Cuti Rehat, 12 bulan daripada tarikh persaraan.

Fungsi ini telah boleh digunakan di HRMIS 2.0 bermula 27 Mei 2024. Manual pengguna bagi penambahbaikan ini boleh dimuat turun di Portal HRMIS untuk makluman dan rujukan.

PROGRAM HRMIS Care TAHUN 2024

Program HRMIS Care merupakan salah satu aktiviti libat urus yang dilaksanakan setiap tahun oleh JPA melalui BDTM bagi menjalin hubungan baik di antara JPA sebagai agensi pusat di peringkat Persekutuan dengan Kementerian/Jabatan/Agenzia/Pejabat Setiausaha Kerajaan (PSUK).

Sebanyak empat aktiviti turun padang mengikut zon telah pun dirancang pada tahun 2024. Sesi libat urus pada kali ini merupakan siri kedua dan ketiga bagi Program HRMIS Care Tahun 2024. Program HRMIS Care kali ini telah dilaksanakan di Zon Selatan bersama PSUK Negeri Johor selaku tuan rumah dan di Zon Timur bersama PSUK Negeri Terengganu.

Program HRMIS Care Peringkat Zon Selatan dengan Kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor

Tempat : Dewan Columbus, Trove Hotel, Johor Bahru, Johor

Tarikh : 28 Mei & 29 Mei 2024

Masa : 9.00 pagi – 4.30 petang



Program HRMIS Care Peringkat Zon Timur dengan Kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu

Tempat : Dewan Utama, Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu, Terengganu



Tarikh : 25 Jun & 26 Jun 2024

Masa : 9.00 pagi – 4.30 petang



Laporan Perancangan dan Pelaksanaan Program SHARE HRMIS Tahun 2024

Bahagian Digital dan Teknologi Maklumat (BDTM), JPA telah melaksanakan Program SHARE HRMIS Tahun 2024 bagi memberi latihan dan pendedahan kepada Pentadbir HRMIS Agensi serta CO bagi meningkatkan lagi tahap pemahaman berkaitan HRMIS. Sebanyak 22 siri latihan HRMIS secara dalam talian telah dirancang sepanjang tahun 2024. Sebanyak 10 siri latihan telah diadakan sehingga Jun 2024, melibatkan penyertaan seramai 6,261 peserta.



Sistem Pengurusan Sumber Manusia (HRM) Baharu sedang dibangunkan bagi menggantikan HRMIS 2.0 melalui Projek Pembangunan, Pemantapan, Pengukuhan dan Peluasan bagi Sistem Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam Baharu. HRM Baharu akan terdiri daripada 35 modul merangkumi proses sumber manusia bermula fasa Pra Perkhidmatan, Dalam Perkhidmatan dan sehingga fasa Persediaan Pasca Perkhidmatan.

Setiap fasa perjalanan pembangunan sistem ini dikongsi kepada semua di dalam bentuk **Flip Book** yang boleh dicapai secara atas talian.

Change Journey Edisi 4 iaitu Januari - Mac 2024 telah diterbitkan dan dimuat naik ke laman Portal HRMIS di bawah tab Penerbitan dan boleh dicapai di pautan :

<https://docs.jpa.gov.my/docs/hrmis/HRM/2024-Change-Journey-Edisi-4/>

#SeiringSepakat
#KetepatanDataAspirasiKita